

Penetapan permulaan Syawal
Bagi Tahun 1446H/2025

Pejabat Mufti

Mac 2025

Office OF THE Mufti

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه

Ahli falak telah menetapkan beberapa parameter dan kriteria bagi kaedah *Imkanur Ru'yah*. Kriteria *Imkanur Ru'yah* yang digunapakai sekarang ini menetapkan bahawa (i) ketinggian anak bulan perlu sekurang-kurangnya 3 darjah dan (ii) jarak lengkung antara matahari dan bulan perlu sekurang-kurangnya 6.4 darjah ketika matahari terbenam.

Berdasarkan **data bulan pada 29 Ramadan 1446H / 30 Mac 2025** seperti di bawah, ia telah memenuhi kriteria *Imkanur Ru'yah* yang telah ditetapkan oleh negara-negara MABIMS (Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura). Ini bermakna anak bulan Syawal 1446H **berpotensi untuk dilihat** di atas ufuk Singapura ketika matahari terbenam.

Data bulan pada 29 Ramadan 1446H adalah seperti berikut:

Lokasi	Tuas, Singapura. 1.2949° N, 103.6305° E
Tarikh	30 Mac 2025 / 29 Ramadan 1446H
Waktu Maghrib	7.15 malam
Tinggi Hilāl	10.4°
Elongasi	13.7°

Oleh itu, 31 Mac 2025 merupakan hari pertama bagi bulan Syawal tahun 1446H sepertimana yang telah diumumkan oleh Mufti.

Pejabat Mufti

Nota Penjelasan Hukum

Pejabat Mufti Singapura
Mac 2025



Topik

1. Pendekatan Yang Diterima Dalam Menentukan Permulaan Awal Bulan Hijrah
2. Pendekatan Kiraan Hisab Dalam Ibadat
3. Penentuan Awal Bulan Hijrah Melalui Perkiraan Hisab
4. Memahami konteks penggunaan Rukyah dalam menentukan awal bulan Ramadan
5. Penggunaan Hisab dalam Konteks Singapura
6. Kaedah *Imkanur Ru'yah* & Kriteria
7. Percanggahan Antara Hisab Dan Dakwaan Melihat Anak Bulan
8. Penutup

Pendekatan Yang Diterima Dalam Menentukan Permulaan Awal Bulan Hijrah

Terdapat dua cara di dalam menentukan bila bulan-bulan Islam bermula: (1) *Ru'yah*, iaitu dengan mencerap anak bulan; (2) Hisab, atau perkiraan falak.

Secara amnya, *Ru'yah* ataupun pencerapan anak bulan (*Hilāl*) merupakan **pendekatan** yang diamalkan oleh **sebahagian besar** umat Islam. Pendekatan ini berdasarkan Hadis Nabi (s.a.w)¹:

صُومُوا لِرُؤْيَيْهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْهِ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ

Yang bermaksud: *Puasalah apabila kalian melihat anak bulan. Dan bukalah ketika melihat anak bulan. Sekiranya tertutup (hilāl) atas kamu, maka sempurnakanlah jumlah bilangan hari bulan Sya'ban tiga puluh hari.*"

Pendekatan kedua yang diterima oleh Ulama Islam juga adalah dengan menggunakan hisab. Kaedah *Imkanur Ru'yah* merupakan antara kaedah yang menggunakan pendekatan hisab. Berdasarkan kepada hadis Nabi (s.a.w):

لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهَلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ

Yang bermaksud: "*Janganlah kalian berpuasa kecuali jika lihat anak bulan. Dan janganlah berbuka kecuali jika melihat anak bulan. Jika anak bulan itu tidak jelas, maka anggarkanlah*".²

Perbezaan riwayat dan interpretasi terhadap *nuṣūṣ*, seperti al-Quran dan hadis, serta perbezaan umat dalam masalah cabang (*Furū'*) merupakan suatu rahmat bagi umat Nabi Muhammad (s.a.w).³ Dengan wujudnya perbezaan pendapat dan

¹ An-Nasa'i, *Sunan an-Nasa'i*, hadis 2124.

² An-Nasa'i, *Sunan an-Nasa'i*, hadis 2118.

³ Al-Uthmani, *Raḥmat al-Ummah fī Ikhtilāf al-A'immaḥ*, 4.

interpretasi, ia menjadi jalan keluar bagi sesuatu keadaan tertentu. Ini seperti yang ditegaskan oleh Imam al-Sha'rani dalam *Al-Mīzān al-Kubrā*.⁴ Sebagai contoh, berkaitan pencerapan hilāl, pendekatan yang mensyaratkan untuk mencerap hilāl itu (*Ru'yah*) kemungkinan tidak sesuai digunakan di sebahagian tempat, kerana pelbagai faktor, seperti cuaca dan sebagainya.

Pendekatan Perkiraan Hisab Dalam Ibadat

Secara umumnya, Syarak menerima perkiraan hisab sebagai salah satu sumber ilmu. Ini adalah kerana, ulama mendapati tiada percanggahan antara penetapan teks agama dengan ilmu-ilmu yang lain seperti ilmu hisab.⁵ Sebagai contoh, perkiraan hisab telah menjadi salah satu pertimbangan utama dalam menetapkan beberapa perkara pokok dan rukun di dalam agama, seperti penetapan waktu solat harian yang berdasarkan kepada pergerakan matahari.

Begitu juga dengan penetapan awal bulan hijrah melalui perkiraan hisab. Mantan Mufti Mesir, Dr. Ali Gomaa, telah menqiyaskan penentuan awal bulan Ramadan (melalui ilmu hisab) dengan kemasukan awal waktu solat.⁶

Memahami konteks penggunaan *Ru'yah*

Sebahagian golongan berpendapat bahawa penggunaan kaedah hisab bagi penentuan awal bulan hijrah merupakan suatu kaedah yang tidak boleh diterima berdasarkan hadis Nabi berikut⁷:

⁴ Al-Sha'rānī, *Al-Mīzān al-Kubrā*, (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Halabi), 3.

⁵ Al-Muṭī'ie, *Taufīq al-Raḥmān li al-Taufīq Baina Mā Qālahu Ulamā' al-Hai'ah wa Baina Mā Jā'a fi al-Aḥādīth al-Saḥīḥah wa Āyāt al-Qur'an*, (Mesir: Matba'ah al-Sa'adah), 28.

⁶ Ali Gomaa, <https://www.dar->

[alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84](https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84)

[alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84](https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84)

[alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84](https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84)

[alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84](https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84)

⁷ An-Nasā'i, *Sunan an-Nasā'i*, hadis 2124.

صُومُوا لِرُؤْيَيْتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَيْتِهِ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمَلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ

Yang bermaksud: “Apabila kamu melihatnya (*hilāl* Ramadan), maka berpuasalah, dan jika kamu melihatnya (*hilāl* bulan baru), maka berbukalah. Tetapi jika tertutup (oleh awan) maka sempurnakan 30 hari”

Namun, hadis ini perlu diteliti dengan mengambilkira hadis-hadis lain yang menunjukkan bahawa perkiraan hisab bukan satu bidang ilmu yang dikenali dan tersebar luas di zaman Nabi (s.a.w). Bahkan, kebanyakan kaum Arab ketika itu juga buta huruf serta tidak memiliki dasar bagi ilmu hisab. Perkara ini telah ditekankan oleh Imam al-Shāṭibī dalam al-Muwāfaqāt⁸. Sebagaimana sabda Nabi (s.a.w)⁹:

إِنَّا أُمَّةٌ أُمِّيَّةٌ، لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسِبُ الشَّهْرَ هَكَذَا وَهَكَذَا. "يَعْنِي مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِينَ،
وَمَرَّةً ثَلَاثِينَ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya kami adalah umat yang buta huruf, kami tidak menulis dan **tidak menghitung**, yakni 29 (hari) dan kadangkala 30 (hari)”

Berdasarkan hadis ini, sebab Nabi (s.a.w) menjadikan anak bulan sebagai tanda permulaan awal bulan hijrah adalah kerana penglihatan (ataupun *ru'yah*) anak

⁸ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt*, (Kaherah: Dār Ibn Affān, 1997), 2:144. Teks arab adalah seperti berikut:

أما العمليات فمن مراعاة الأمية فيها، أن وقع تكليفهم بالجلال في الأعمال والتقريب في الأمور، بحيث يدركها الجمهور كما عرفت أوقات الصلوات بالأمور المشاهدة لهم، كتعريفها بالظلال وطلوع الفجر والشمس وغروب الشفق وكذلك في الصيام.. وقال: (لا تصوما حتى تزوا الهلال ولا تفطروا حتى تروه فإن غم عليكم فأكملوا العدة ثلاثين) ولم يطالبنا بحساب مسير الشمس مع القمر في المنازل، لأن ذلك لم يكن من معهود العرب ولا من علومها، ولدقة الأمر فيه، وصعوبة الطريق إليه

Yang bermaksud: “Adapun perintah yang berkaitan dengan ibadat, adalah untuk mengambil kira golongan yang buta huruf, oleh itu mereka diperintah dengan perkara-perkara besar yang boleh dilihat oleh orang ramai seperti menentukan waktu solat dengan perkara yang mereka saksikan seperti dengan bayang-bayang, terbit fajar, matahari dan terbenamnya senja, serta dalam puasa. Dan baginda bersabda: (Janganlah kamu berpuasa sehingga kamu melihat hilal, dan janganlah kamu berbuka. Sehingga kamu melihatnya, dan jika cuaca mendung bagi kamu, maka sempurnakanlah bilangan tiga puluh. Dan kita tidak dituntut untuk mengira perjalanan matahari serta bulan oleh kerana kerumitan serta kesulitan untuk mencapainya.”

⁹ Al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, Hadis 1913.

bulan merupakan suatu perkara yang boleh dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat. Sama ada bagi mereka yang buta huruf ataupun yang selainnya.

Adalah penting untuk diperhatikan juga bahawa hadis yang menjadikan penglihatan anak bulan sebagai tanda permulaan bulan hijrah tidak menafikan penggunaan ilmu hisab bagi menetapkan permulaan bulan.

Adapun berkaitan hadis Nabi s.a.w. yang membolehkan penggunaan hisab dalam menentukan awal bulan Ramadan pula, iaitu seperti berikut:

لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا تَنْفُطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ

Yang bermaksud: “*Janganlah kamu berpuasa kecuali jika melihat anak bulan. Dan janganlah pula berbuka kecuali jika lihat anak bulan. Jika anak bulan itu tidak jelas, maka **anggarkanlah***”.

lafaz "فاقدروا له" membawa erti “anggarkanlah” sekiranya anak bulan itu ditutup, sama ada dengan awan, cuaca yang buruk dan sebagainya.

Ibn Surayj (w.306h) yang merupakan salah seorang ulama’ Mazhab Shafi’i menafsirkan hadis tersebut dengan menganggarkan pergerakan bulan untuk mengetahui kewujudan anak bulan.¹⁰ Dalam konteks zaman ini, pergerakan bulan boleh diketahui dengan tepat melalui perkiraan yang teliti oleh ahli falak/astronomi.

Ibn Surayj juga berpendapat bahawa hadis yang menjadikan penglihatan anak bulan sebagai tanda permulaan awal Ramadan, adalah bagi mereka yang tidak mempunyai kemahiran dalam ilmu hisab. Manakala riwayat yang memerintahkan

¹⁰ Al-Nawāwī, *Al-Majmū’ Sharḥ al-Muhazzab*, (Beirut: Dār al-Fikr), 6:222.

untuk menggunakan anggaran (iaitu ilmu hisab) adalah bagi mereka yang mahir dalam ilmu hisab untuk mengetahui kewujudan anak bulan.

Penggunaan Hisab dalam Konteks Singapura

Dalam konteks Singapura, Jawatankuasa Fatwa Singapura pada tahun 1974 telah memutuskan bahawa permulaan Ramadan dan Syawal boleh ditentukan melalui perkiraan falak (astronomi).

Keputusan ini berasas dari beberapa ayat al-Quran (iaitu surah Yunus, ayat 5 dan surah Ar-Rahman, ayat 5) yang menegaskan bahawa orbit bulan, matahari dan objek-objek langit lainnya, semuanya mematuhi perkiraan yang ditetapkan Allah (s.w.t). Jawatankuasa Fatwa ketika itu mengamati bahawa sebahagian ulama masa lalu mempunyai keraguan terhadap ilmu astronomi kerana ketiadaan alat yang canggih pada masa mereka dan bidang tersebut juga belum maju. Tambahan pula, perkiraan matematik belum sampai kepada tahap ketepatan seperti sekarang.

Dengan menggunakan alat-alat yang canggih bagi mengesahkan ketepatan perkiraan astronomi, perkiraan hisab merupakan suatu perkara yang tidak boleh diragui lagi ketepatannya pada zaman kini.

Kaedah *Imkanur Ru'yah* & Kriteria

Kaedah *imkanur ru'yah* bertujuan memastikan sama ada hilāl dapat dilihat ataupun tidak, di atas ufuk Barat selepas terbenamnya matahari.

Kiraan saintifik hisab inilah yang menjadi panduan para ahli falak dan yang merupakan pendekatan yang digunapakai di Singapura sejak 1974.

Kaedah *Imkanur Ru'yah* adalah berdasarkan kepada penelitian ahli falak, hasil daripada banyak cerapan hilāl yang telah dijalankan. Ia bermaksud, sekiranya cuaca dan keadaan itu cerah dan lokasi pencerapan adalah sesuai (seperti

pencerap berada pada ufuk Barat yang terbuka), anak bulan sudah pasti dapat disaksikan.

Merujuk kepada penulisan ulama muktabar berkaitan kaedah ini, Imam al-Qusyairi berpendapat bahawa sekiranya hisab telah menunjukkan bahawa anak bulan telah berada di atas ufuk **dalam keadaan yang boleh dilihat kalau tidak kerana awan**, maka seseorang itu wajib berpuasa. Ini adalah kerana *ru'yah* bukan suatu syarat.¹¹

Oleh itu, kewujudan anak bulan/hilāl atas ufuk sahaja tidak cukup untuk mewajibkan seseorang itu berpuasa.¹² Akan tetapi, kewujudan anak bulan atas ufuk tetapi yang **boleh dilihat atau dicerap** dalam keadaan biasa (apabila tiada penghalang, seperti awan, mendung dan sebagainya) pada saat matahari terbenam.

Terdapat beberapa perbezaan pada kriteria ataupun parameter yang telah ditetapkan oleh ahli falak antarabangsa untuk menentukan perincian kewujudan anak bulan di atas ufuk bagi tujuan ini. Perselisihan dan perbezaan pendapat dalam menentukan perkara ini merupakan suatu perkara yang diterima dalam Syarak, kerana ia merupakan suatu isu yang berdasarkan kepada ijtihad dan pemerhatian.¹³ Dan ia tidak bertembung dengan mana-mana *nuṣūṣ*.

¹¹ Ibn Ābidīn, *Rasā'il Ibn Ābidīn*, 1:224. Teks asal dalam bahasa Arab seperti berikut:

قال القشيري: "إذا دل الحساب على أن الهلال قد طلع من الأفق على وجه يرى لولا وجود المانع كالغيمة مثلا، فهذا يقتضي الوجوب لوجود السبب الشرعي وليس حقيقة الرؤية مشروطة في اللزوم"

Yang bermaksud: "Jika perkiraan *hisāb* menunjukkan bahawa bulan sabit telah muncul di atas ufuk dengan cara yang dapat dilihat jika tiada halangan seperti awan, maka hukum berpuasa adalah wajib kerana terdapat penyebab (kewajipan), dan pencerapan bukanlah syarat kewajipan berpuasa."

¹² Walaupun terdapat pandangan bahawa kewujudan anak hilal atas ufuk cukup untuk mewajibkan seseorang itu berpuasa. Pendekatan ini dinamakan sebagai *Wujud al-Hilāl* ataupun Hisab Hakiki.

¹³ Menurut Ibn Rushd al-Ḥafid, **penglihatan anak bulan bergantung pada bukti empirikal**. Ini bermakna **parameter yang ditetapkan oleh ahli astronomi mungkin berbeza dari masa ke masa sekiranya terdapat bukti empirikal yang lebih kukuh**. Oleh itu, ahli falak telah mengumpulkan data lalu tentang penglihatan hilal. Sila lihat: Ibn Rushd al-Ḥafid, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 1994) 2:48

Kriteria MABIMS

MABIMS adalah singkatan bagi Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura. Ia adalah pertemuan tidak rasmi para menteri keempat-empat negara tersebut yang bertanggung-jawab atas masyarakat Islam bagi menyelaraskan urusan-urusan keagamaan masyarakat Islam, di keempat-empat negara tersebut.¹⁴

Antara bidang tugas yang diselaraskan pada tahun 1992 ialah penggunaan kriteria bersepadu bagi penentuan awal bulan, sekiranya anak bulan tidak berhasil dicerap.

Kriteria MABIMS 1992 ini menggunakan tiga parameter. Anak bulan dianggap wujud dan boleh dicerap sekiranya tidak terhalang, sekiranya (i) ketinggiannya melebihi 2 darjah dari atas ufuk barat ketika matahari tenggelam (ii) dan perbezaan antara matahari dan anak bulan melebihi 3 darjah. (iii) Akan tetapi, jika umur anak bulan itu melebihi 8 jam maka ia dianggap sudah wujud tanpa mengambil kira parameter ketinggian dan sudut perbezaan.

Umur anak bulan dihitung bermula dari waktu bulan dan matahari selari dengan bumi (*ijtimak*), sehingga waktu tenggelamnya matahari pada hari ke 29.

Kriteria ini telah digunapakai oleh Singapura semenjak ia dirasmikan oleh MABIMS pada tahun 1992 hingga tahun 2021.

Terdapat usaha yang berterusan untuk memperbaiki kriteria tersebut. Pada tahun 2016, pakar astronomi dan ahli agama dari keempat-empat negara telah bersetuju untuk merombak kriteria MABIMS kepada yang lebih baik lagi.

Kriteria MABIMS yang baru ini hanya **memerlukan dua parameter** ketika matahari tenggelam pada hari ke-29. Iaitu (i) ketinggian anak bulan perlu melebihi 3 darjah dan (ii) perbezaan antara matahari dan bulan perlu melebihi 6.4

¹⁴ <https://www.mabims.gov.bn/SitePages/Home.aspx>

darjah. Kriteria baru ini dibangun dari 737 data pencerapan anak bulan yang terkumpul dari seluruh dunia.

Singapura telah bersetuju untuk menggunakan kriteria yang baru yang lebih tepat ini. Penukaran ini selari dengan prinsip syarak bahawa penglihatan anak bulan tergantung pada bukti empirikal. Dan terdapat bukti empirikal pada situasi ini, iaitu 737 data pencerapan yang telah dikumpulkan oleh ahli Falak Muslim Mohammad Shawkat Odeh.¹⁵

Percanggahan Antara Kaedah Hisab Dan Dakwaan Melihat Anak Bulan

Penetapan kriteria di atas adalah berdasarkan kepada data dan perkiraan yang teliti. Ia boleh mencapai pada tahap hampir pada keyakinan. Sekiranya data anak bulan tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh ahli falak, secara khususnya kriteria MABIMS yang baru, maka mengikut perkiraan, anak bulan tidak boleh dilihat. Ini bermakna, pada keadaan yang biasa (sekiranya tiada halangan, seperti awan), anak bulan itu mustahil untuk disaksikan.

Para ulama silam telahpun membincangkan isu ini. Sebagai contoh, apabila berdasarkan ilmu hisab, pakar falak menetapkan bahawa anak bulan mustahil untuk dilihat pada suatu masa, tetapi ada sebahagian individu yang mendakwa telah melihatnya. Imam Subki (w. 756H) berpendapat bahawa penyaksian anak bulan ketika itu tidak boleh diterima kerana penyaksian tersebut merupakan suatu telahan (*Zan*) semata-mata. Manakala perkiraan hisab bersifat yakin (*Yaqīn*) ataupun hampir pada yakin (*Qarīb min al-Yaqīn*). Oleh itu, sesuatu yang bersifat yakin (iaitu perkiraan hisab) diutamakan atas sesuatu yang tiada kepastian padanya dan bersifat telahan / *Zan* (iaitu penglihatan).

¹⁵ Shaukat Oudeh, 2001, *Al-Taqwīm al-Hijrī al-‘Ālami*, Al-Mashrū‘ al-Islāmiy Li Raṣd al-Ahillah, 3.

Imam Subki dalam kitab beliau *Al-ʿIlm al-Manshūr fī Ithbāt al-Shuhūr* menegaskan:¹⁶

(فإن أحلناها -أي كون الرؤية مستحيلة- بدليل قام عندنا، لم تقبل تلك الشهادة وحملناها على الغلط أو الكذب ولم نكن بذلك خارجين عن القانون الشرعي، لأن دلالة الحساب القطعي أو القريب من القطعي على عدم الإمكان، أقوى من الريية، والريية موجبة لرد الشهادة)

Yang bermaksud: “Apabila kami menghukumkan bahawa ruk’yah seseorang itu mustahil atas dalil yang wujud, maka penyaksiannya tidak diterima. Bahkan kita menganggap penyaksiannya sebagai salah ataupun pembohongan. Dan kami tidak terkeluar dari kaedah syarak (dengan hukum yang ditetapkan). Ini adalah kerana perkiraan hisab yang yakin ataupun hampir pada yakin yang menunjukkan bahawa anak bulan tidak dapat dilihat, lebih kuat dari keraguan. Dan keraguan menyebabkan penyaksian seseorang ditolak.”

Prinsip ini diterima oleh badan fatwa antarabangsa dan ulama’ kontemporari. Di antara badan dan ulama’ kontemporari adalah seperti berikut: Dar Ifta’ al-Misriyyah¹⁷, Majma’ Fiqh Duwali¹⁸, European Council for Fatwa and Research¹⁹, Shaykh Abdullah bin Bayyah²⁰, dan Shaykh Ali Gomaa²¹.

¹⁶ Al-Subki, *Al-ʿIlm al-Manshūr fī Ithbāt al-Shuhūr*, 25.

¹⁷ <https://www.dar-alifta.org/ar/fatawa/13817/%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%B3%D8%A7%D8%A8-%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%84%D9%83%D9%8A-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%B3%D8%A7%D9%8A%D9%84-%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D9%85%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB%D8%A9-%D9%81%D9%8A-%D8%B1%D9%88%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D9%87%D9%84%D8%A7%D9%84>

¹⁸ <https://iifa-aifi.org/ar/3475.html>

¹⁹ European Council for Fatwa and Research, *Al-Qarārāt wa al-Fatāwā al-Şādirah ‘An al-Majlis al-Urubbi li al-Iftā’ wa al-Buhūth*, 17

²⁰ Ibn Bayyah, *Şinā’at al-Fatwā wa Fiqh al-Aqallīyyāt*, (Dubai: Markaz Al-Muwatta’, 2018), 484.

²¹ <https://www.draligomaa.com/index.php/الفتاوى/item/1997-أوائل-الشهور-المعرف-أوائل-الشهور>

Penutup

Berdasarkan kriteria dan prinsip-prinsip yang dijelaskan di atas, Singapura telah menetapkan bahawa **anak bulan 1 Syawal 1446H berpotensi untuk dilihat** saat matahari terbenam pada 30 Mac 2025 kerana anak bulan telah memenuhi kriteria *Imkanur Ru'yah*. Dari itu, umat Islam Singapura akan memulakan awal bulan Syawal 1446H pada 31 Mac 2025.

Pejabat Mufti ingin menegaskan bahawa kajian ini telah dilakukan dengan teliti dan berasaskan kepada dalil serta hujjah yang sahih dalam menentukan awal bulan Syawal 1446H. Oleh itu, kita seharusnya yakin dengan pendekatan ini kerana ia berlandaskan kepada ilmu serta sandaran yang sahih, dan bukannya keinginan peribadi ataupun sangkaan semata-mata.

Semoga Allah (s.w.t) menerima segala amalan yang dilakukan sepanjang tahun 1446H Amin.

وصلی اللہ علی سیدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم والحمد لله رب العالمین

Pejabat Mufti

Mac 2025